

16 NOV 1996

Asean-Laos

SUASANA BAGI PEMBANGUNAN BERSAMA WUJUD DI ASEAN

PETALING JAYA, 16 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Laos Bounnhang Vorachit berkata suasana yang sesuai kini telah wujud di Asean bagi membolehkan negara-negara anggotanya memperluaskan kerjasama meliputi pembangunan bersama di antara satu sama lain.

Beliau berkata pembangunan ekonomi bersama merupakan asas bagi keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Laos bersedia bekerjasama dengan negara lain di rantau ini bagi menggalakkan keamanan dan kestabilan dan ia yakin langkah-langkah pembinaan keyakinan di rantau ini akan berjaya.

Beliau menyatakan demikian pada Forum Antarabangsa Kedua mengenai "Ke Arah Satu Asia Tenggara di Abad Ke-21" di Subang Jaya dekat sini.

Laos yang telah diberikan status pemerhati dalam Asean sejak 1992 akan menyertai kumpulan serantau itu pada Julai tahun depan. Anggota Asean kini terdiri daripada Brunei, Singapura, Thailand, Filipina, Vietnam, Indonesia dan Malaysia.

Vorachit juga menyambut baik inisiatif Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad untuk memasukkan Laos dalam rangkaian hubungan kereta api yang dirancang antara Singapura dan China dalam rangka Projek Pembangunan Lembah Mekong.

Menteri Kanan Pembangunan Semula dan Pemulihan Kemboja Keat Chhon berkata sambil negara itu menyiapkan diri untuk menyertai Asean pada Julai tahun depan, negara anggota sedia ada juga perlu menyiapkan diri masing-masing untuk menerima anggota baru.

Chhon yang juga Menteri Ekonomi dan Kewangan Kemboja mencadangkan agar suatu mekanisme diwujudkan bagi memudahkan inisiatif itu.

Beliau yakin bahawa dengan menyertai Asean negara itu akan memperoleh banyak faedah daripada segi ekonomi.

Kemboja mempunyai banyak peluang ekonomi seperti usaha mencari gali minyak dan industri pelancongan, katanya. -- BERNAMA

JM NMO